

16/10/2001

Anthrax: Dr Mahathir minta AS sedia butiran lanjut

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Amerika Syarikat menyediakan butiran lanjut mengenai surat yang dikatakan dihantar dari negara ini ke Reno, Nevada, mengandungi bahan anthrax.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan memulakan siasatan sebaik saja menerima laporan mengenai surat yang dikatakan mengandungi bakteria pembunuh, anthrax, itu.

"Sebaik saja kita mendapat maklumat, kita akan siasat. Buat masa ini, kita tidak tahu apa-apa. Kita tidak mempunyai maklumat. Mereka tidak memberikan kita sebarang maklumat," katanya kepada pemberita selepas rakaman program Bersama Perdana Menteri di Angkasapuri di sini.

Program temu ramah khas yang membincangkan serangan 11 September dan pengeboman Amerika Syarikat di Afghanistan itu disiarkan melalui TV1 jam 9 malam ini.

Pegawai di Amerika dilaporkan mengesahkan, ujian terhadap sepucuk surat yang disyaki mengandungi anthrax dan dikirimkan dari Malaysia ke Reno itu menunjukkan keputusan positif.

Dr Mahathir berkata, pihak berkuasa Malaysia belum diberikan maklumat mengenai kejadian itu.

Ditanya sama ada sebarang siasatan awal dilakukan berdasarkan laporan berita, Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahu."

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata laporan media mengenai surat itu amat dikesali kerana maklumat sahih mengenainya belum terbukti atau ia masih bersifat spekulasi.

"Ini boleh menakutkan negara lain dan Malaysia memandang serius. Kita bukanlah negara yang mengeluarkan anthrax. Laporan dari New York Times, yang juga dimuatkan dalam akhbar kita, bagaikan memberi bayangan bahawa ia (surat) dikirim dari Malaysia.

"Kita tidak tahu dari mana sebenarnya asal benda itu. Ada maklumat bahawa surat itu sebenarnya dari Amerika Syarikat dan kemudian ia dihantar ke sini (Malaysia), kepada vendor di sini dan vendor di sini menghantarnya semula ke Amerika," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Robert Zoellick yang juga utusan khas Presiden George W Bush di pejabatnya di Wisma Putra, Putrajaya hari ini.

Zoellick kemudian mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya.

Syed Hamid berkata, beliau turut menyentuh isu surat itu pada pertemuan selama kira-kira 40 minit dengan Zoellick.

"Saya memberitahu duta Zoellick bahawa laporan akhbar mengenai anthrax disiarkan tanpa bukti sahih yang menimbulkan ketakutan di Amerika sekarang," katanya.

Beliau berkata, berita mengenai perkara itu tidak seharusnya disiarkan dengan memberi gambaran seolah-olah rakyat negara ini mengeluarkan anthrax atau menyertai tindakan pengganas dalam serangan biologi terhadap Amerika.

Beliau berkata, media massa harus bersifat positif supaya tidak memberi gambaran salah.

(END)